

Pengundi pilih orang muda

Izwan Roslin

Sinar Harian

12 Mei 2024 07:19am



Mohd Yusri

SHAH ALAM- Kemenangan Pang Sock Tao, 31, pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Baharu membuktikan orang muda terus menjadi pilihan pengundi.

Penganalisis Politik Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Yusri Ibrahim berkata, kejayaan itu sekali gus menobatkan Pang Sock Tao sebagai ADUN termuda di Selangor.

“Sangat menarik, kerana usia Sock Tao sangat muda dan sekarang waktu untuk bekerja sebagai anggota lageslatif DUN Selangor.

“Beliau akan bertanggungjawab untuk membawa apa-apa isu sahaja ke peringkat tertinggi, polisi dan dasar dalam pada yang sama berkhidmat kepada rakyat bawahan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam program Interview bertajuk ‘Kuala Kubu Baharu milik siapa?’ yang disiarkan secara langsung di semua platform digital Sinar Harian pada Sabtu.

Program yang dihoskan Haizir Othman turut menampilkan Pensyarah Kanan Sains Politik Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Nur Ayuni Mohd Isa sebagai panel.

“Kita perlu tamatkan episod peperangan ini, saya syorkan selepas PRK ini mesti diwujudkan tempoh bertenang.

Tambahnya, rakyat juga perlu memberi pengiktirafan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di atas kerja kerasnya mengadakan lawatan ke negeri yang diperintah pembangkang.

“Rombongan itu bukan retorik, PM bawa Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Kementerian bersama menteri-menteri, bermakna keputusan perlu dibuat untuk siapa yang bertanggungjawab menyelesaikan isu berkenaan,” katanya.

PH berjaya mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Baharu yang disandang sejak 2013 selepas calonnya, Pang Sock Tao menang pada pilihan raya kecil (PRK) kali ini.

Kemenangan Sock Tao yang mewakili Kerajaan Perpaduan itu diumumkan Pegawai Pengurus PRK Kuala Kubu Baharu, Yuhanas Auree Kamaruddin di Dewan Serbaguna dan Kompleks Sukan Daerah Hulu Selangor pada malam Sabtu.

Sock Tao memperoleh sebanyak 14,000 undi dengan majoriti 3,869.